



**RICHARD** (tiga kiri) menyempurnakan gimik pelancaran persidangan berkenaan.

# Richard cadang wujud program undang-undang di UMS

UB / 2.4.2018 A3

Oleh ALFRED PETRUS

KOTA KINABALU: Hakim Besar Sabah dan Sarawak Tan Sri Richard Malanjum mencadangkan kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk mewujudkan kursus undang-undang.

Beliau menyatakan cadangan berkenaan kerana terdapat masalah besar mengenai undang-undang adat di Sabah dan Sarawak pada masa kini.

“Saya ingin mencadangkan diwujudkan fakulti undang-undang di UMS kerana kita mempunyai masalah besar mengenai undang-undang adat di Sabah dan Sarawak. Kursus sebegini ada ditawarkan di beberapa universiti tempatan di Semenanjung.

“Semalam (Selasa) saya menghadiri satu ceramah bersama masyarakat tempatan. Mereka memperlihatkan maksud

sebenar kehidupan, erti pembangunan mampan dan kehidupan yang tidak mahu diikuti.

“Itulah pengajaran yang dapat saya peroleh daripada perbincangan semalam yang mana cara kehidupan atau adat yang diguna pakai itu harus dipelihara kerana suatu hari nanti kita akan memerlukannya,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Persidangan Undang-undang dan Masyarakat Antarabangsa Ketujuh (IClass7) di sini pada Rabu.

Richard berkata pihaknya sudah berjumpa dan berbincang sebanyak tiga kali dengan pemimpin-pemimpin tempatan untuk mengumpulkan bahan-bahan berkenaan undang-undang adat.

“Kami sudah mengumpul bahan-bahan dari pelbagai tempat. Sebenarnya, kami sudah tiga kali mengadakan

perbincangan untuk pemimpin-pemimpin tempatan, seterusnya bercadang untuk mendokumentasikannya.

“Diharapkan dalam setahun atau lebih, kami akan menyelesaikan sepenuhnya perkara ini, di samping menjalankan bengkel dan sebagainya,” katanya.

Beliau menyatakan hasrat untuk melihat UMS mewujudkan pengajian undang-undang di peringkat sijil dan diploma pada peringkat awal di bawah fakulti kemanusiaan.

Beliau akan membantu dalam apa sahaja hal jika cadangan itu dipertimbangkan.

“Saya berjanji akan menjadi yang orang pertama untuk membantu, memberi kuliah dan segala-galanya jika ia termakbul,” katanya.

Turut hadir ialah Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin.